

28/06/1997

MAS dapat hak mendarat di Kaherah

Jamhariah Jaafar

KUALA LUMPUR, Jumaat - Penerbangan Malaysia (MAS) mendapat hak mendarat di Kaherah berikutan persetujuan Lebanon ketika lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke negara itu, minggu lalu.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata persetujuan itu turut memberi Malaysia kebenaran untuk mengambil penumpang dari Beirut ke Kaherah, tetapi butiran lanjut terutama membabitkan faedah antara kedua-dua negara akan dibuat ketika perjanjian tidak lama lagi.

"Kita kini hanya mempunyai penerbangan dua kali seminggu iaitu antara Kuala Lumpur-Dubai-Beirut dan pesawat kita berpatah balik ke Kuala Lumpur. Kebenaran ini memberikan kita laluan Kuala Lumpur-Dubai-Beirut-Kaherah.

"Memandangkan kita mempunyai begitu ramai pelajar dan pelancong yang melawat Mesir kebenaran ini memberi faedah kepada semua pihak.

"Perkara ini memang berada dalam agenda utama lawatan Perdana Menteri dan kita berpuas hati kerana melalui pertolongan beliau, kita mendapat persetujuan daripada Lebanon," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar sekembalinya dari lawatan mengiringi Perdana Menteri ke Lebanon dan menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri Pengangkutan Negara-Negara Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apex) di Victoria, Kanada, hari ini.

Dr Ling berkata, Malaysia juga mencapai persetujuan awal dengan Taiwan untuk menandatangani perjanjian dasar langit terbuka dengan negara itu dalam tempoh sebulan.

Perjanjian ini adalah yang kedua membabitkan dasar berkenaan dalam tempoh dua bulan selepas beliau menandatangani ikrar yang sama dengan Amerika Syarikat di San Francisco pada 21 Jun lalu.

"Ini adalah satu batu loncatan terbesar bagi Malaysia kerana perjanjian dengan Taiwan akan membuka laluan lebih luas bagi Malaysia kerana Taiwan adalah negara perdagangan yang maju," katanya.

Dr Ling berkata, Malaysia juga sedang berbincang untuk mengadakan perjanjian yang sama dengan beberapa negara lain tidak lama lagi.

(END)